

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada **Yang** Berhormat Tumpat di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Sebagai mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bumi Palestin masih diduduki secara haram oleh rejim Israel dan mereka juga masih menakluki Ibu Kota Palestin iaitu Baitulmaqdis/Jerusalem/Al-Quds. Keadaan ini menyukarkan Kerajaan Malaysia untuk menempatkan Pejabat Perwakilan Malaysia di sana.

3. Kerajaan Malaysia sememangnya telah lama berhasrat untuk membuka Pejabat Perwakilan Malaysia di Palestin. Walaupun pihak Berkuasa Kebangsaan Palestin (*Palestinian National Authority* - PNA) pernah menawarkan supaya Kerajaan Malaysia menubuhkan pejabat perwakilan di Palestin, mereka telah meminta supaya Malaysia menangguhkan buat sementara cadangan tersebut atas risiko keselamatan. Negara-negara ASEAN yang turut menganggotai OIC seperti Indonesia dan Brunei juga sehingga hari ini masih belum membuka Kedutaan masing-masing di Palestin di atas sebab yang sama.

4. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, adalah menjadi amalan biasa sesebuah Pejabat Perwakilan ditauliahkan secara serentak ke satu atau beberapa negara yang lain. Justeru, Kerajaan Malaysia sejak 12 Jun 2013 telah memutuskan supaya

Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Mesir ditauliahkan secara serentak ke Palestin. Kedudukan Kaherah, Republik Arab Mesir dari segi geografi yang bersempadan dengan Palestin (Semenanjung Gaza) secara tidak langsung akan memudahkan pemantauan ke atas badan bukan kerajaan (NGO) atau/dan individu perseorangan Malaysia yang ingin menyalurkan bantuan kemanusiaan ke Palestin.

5. Keputusan Kerajaan Malaysia tersebut juga boleh dianggap sebagai langkah yang cukup penting dalam hubungan dua hala antara Malaysia dan Palestin, selaras dengan komitmen dan usaha berterusan Kerajaan untuk memperkukuhkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin. Oleh itu, Kerajaan Malaysia akan terus mengambil langkah susulan bagi merealisasikan hasrat penubuhan pejabat Perwakilan Malaysia di Palestin pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.